

## **KUALITI HADITH DALAM KITAB HIDAYAT AL-MUKHTAR SERTA IMPLIKASI TERHADAP PENYAMPAIAN DAKWAH KEPADA MASYARAKAT**

**Muhammad Ashraf Shahrulail & Mohd Akil Mohamed Ali**  
*ashrafshahrulail89@gmail.com*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kitab hadith berjudul *Hidayat al-Mukhtar* yang dikumpul dan disusun oleh al-Imam al-Hafiz al-Mundhiriyy terjemahan Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani merupakan salah satu karya yang memuatkan perbincangan berkaitan dengan 40 hadith tentang kelebihan menuntut ilmu dan kelebihan ulama. Walaupun kitab ini tidak dinyatakan oleh pengarang sumber dan martabat hadith-hadithnya, namun ia adalah antara kitab-kitab wakaf yang diedarkan oleh pihak syarikat penerbit Khazanah Fathaniyah ke masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok pengajian dan selainnya. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji sumber pengambilan hadith oleh Imam al-Hafiz al-Mundhiriyy dengan menggunakan ilmu *takhrij* dan juga menganalisis status hadith yang terdapat di dalamnya. Kajian ini adalah kajian kepustakaan di mana setiap hadith dalam kitab tersebut dianalisis satu-persatu berdasarkan kaedah *takhrij* untuk menentukan sumber-sumber dan hukum hadis. Semua hadith dirujuk berdasarkan daripada kitab-kitab muktabar seperti *al-Sunan al-Tis'ah*, kitab-kitab *takhrij* dan *Ulum Hadith*. Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati kitab ini belum pernah dikaji dari setiap segi memandangkan kitab ini telah lama diterbitkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sumber setiap hadith yang ada dalam kitab ini ditemui dalam kitab-kitab hadith yang muktabar dan dapatan kajian mendapati terdapat 2 hadith *hasan* (5%), 6 hadith *da'if* (15%), 4 hadith *da'if jiddan* (10%), 1 hadith *matruk* (2%), 12 hadith *mawdu'* (30%) dan 15 hadith (38%) yang tidak dapat dikesan. Kajian ini memberi implikasi kepada pengkaji-pengkaji hadith, pendakwah-pendakwah agar lebih berhati-hati dalam memilih kitab-kitab hadith dalam menyampaikan ilmu dan dakwah kepada masyarakat. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak institusi agama atau JAKIM mengambil inisiatif untuk memantau setiap kitab-kitab hadith yang dijumpai dalam pengajian di masjid-masjid, surau-surau dan institusi-institusi bagi menjaga kesahihan sumber dan status hadith tersebut.

**Kata kunci:** *al-Mundhiriyy, Syeikh Wan Hasan al-Fathani, Metodologi, Takh*

## THE QUALITY OF HADITH COMPILATION IN HIDAYAT AL-MUKHTAR AND ITS IMPLICATION TOWARDS COMMUNITY DA'WA

### ABSTRACT

The book of hadith collected and compiled by Imam Hafiz al-Mundhiriyy entitled *Hidayat al-Mukhtar* is one of the works incorporating the discussions on 40 *Ahadith* regarding the advantage of seeking knowledge. Although the book does not expose the status of its author and the eminence of its *Ahadith*, but it is among the endowed books distributed by the publisher *Khazanah Fathaniyah* to mosques, pondok learning institution and so on. The objective of this study is to examine the source of collection of hadith by Imam al-Mundhiriyy by using *takhrij* knowledge and also analysing the status of the *Ahadith* in it. This study is of library research where every hadith in the book is analysed one by one based on *takhrij* technique to determine the sources and ruling of *Ahadith*. All *Ahadith* referred to are based on their origins from such reliable books as *al-Sunan al-Tis'ah*, *takhrij* works and hadith disciplines of knowledge. The acquired data are analysed in descriptive way. The outcome of this study concludes that the book has yet to be analysed of its various angels considering that the book was long published since a few years back. The source of each hadith in the book is found embedded in the reliable book of hadith and prior finding this study shows that there are 2 hadith *hasan* (5%), 6 hadith *da'if* (15%), 4 *da'if jiddan* (10%), 1 hadith *matruk* (2%), 12 hadith *mawdu'* (30%) and 15 hadith (38%) that the original source can not be found. This study bears an implication to Hadith researches, islamic callers so as to be more careful in selecting hadith books in delivering knowledge and *da'wah* to society. This study also suggest that those in the religious institution or JAKIM take initiative in overseeing every hadith book found in religious teachings at mosques, prayer houses and institutions in order to safeguard the authenticity of sources and the status of the *Ahadith*.

**Keywords:** *al-Mundhiriyy, Syeikh Wan Hasan al-Fathani, Methodology, Takhrij*

## PENDAHULUAN

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama perundangan Islam yang tidak boleh lagi dipertikaikan kewajipan menjadikan keduanya sebagai satu pegangan hidup sepanjang zaman. Keaslian al-Quran sebagai sumber utama syariat dalam Islam tidak perlu diragukan lagi tentang keasliannya, tetapi *al-Sunnah* perlu dinilai terlebih dahulu sebelum kita menjadikannya sebagai suatu pegangan fakta agama.

Perkembangan ilmu hadith pada zaman ini sangat meluas dan menarik minat ramai orang untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang kefahaman ilmu hadith. Oleh yang demikian, bagi memastikan umat Islam hanya mengamalkan hadith-hadith yang *maqbul* sahaja, maka para ulama telah berusaha sedaya upaya untuk mengkategorikan hadith-hadith kepada hadith *maqbul* dan hadith *mardud* iaitu hadith-hadith yang diterima dan hadith-hadith yang ditolak.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian, terdapat begitu banyak kitab klasik karya ulama Nusantara yang dijadikan rujukan utama dalam sukatan pembelajaran di masjid-masjid, surau-sarau dan pondok-pondok yang tidak diketahui status hadith di dalamnya sama ada ia *sahih*, *hasan*, *da'if* atau *mawdu'*. Walaupun karya-karya tersebut dikarang oleh ulama yang diiktiraf kepakaran mereka di dalam ilmu agama, ini tidak bermakna ia terlepas daripada hadith-hadith yang berstatus *da'if* dan *mawdu'*.

## PENYATAAN MASALAH

Imam al-Hafiz al-Mundhiriyy telah mengumpulkan empat puluh hadith yang berkaitan dengan ilmu dan ulama' yang dikenali sebagai *al-Arba'un Hadithan fi fadhail al-'Ilm*. Kemudian ianya diterjemahkan oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani. Beliau memberikan nama kitab terjemahan ini dengan nama *Hidayat al-Mukhtar*. Syeikh Wan Hasan al-Fathani juga menghuraikan dan menerangkan setiap matan secara ringkas supaya dapat difahami maksud sebenar sesesuatu hadith. (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2000: 35)

Kitab ini mempunyai 40 buah hadith yang tidak dinyatakan oleh pengarang sumber dan martabat hadith-hadith tersebut sama ada *maqbul* ataupun *mardud* dan boleh membawa kesan kepada masyarakat untuk beramal. Terdapat 40 buah hadith dalam kitab ini diterjemahkan ke dalam tulisan jawi yang lama dan ini juga sudah pasti menyukarkan lagi untuk menganalisis hadith terjemahan tersebut kerana tulisan jawi yang digunakan untuk terjemahan hadith tersebut tidak digunapakai lagi dalam sistem kehidupan moden hari ini. Dapatan awal kajian mendapati status dan martabat 5 hadith daripada 40 hadith yang terdapat dalam kitab *Hidayat al-Mukhtar* ini dihukum *da'if* oleh ulama-ulama hadith seperti Imam al-Dhahabiyy, Ibn Hajar al-'Asqalaniyy dan yang lain-lain.

Kitab *Hidayat al-Mukhtar* ini merupakan antara kitab-kitab wakaf yang diedarkan oleh pihak syarikat penerbit Khazanah Fathaniyah ke masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok pengajian dan selainnya. Pihak Khazanah Fathaniyah juga mengadakan kelas pengajian kitab-kitab Melayu/Jawi klasik yang merupakan karya ulama Melayu. Tujuan dan usaha mereka adalah untuk membantu menghidupkan kembali penulisan jawi yang semakin hilang<sup>1</sup>. Mereka juga menerbit, mengedar, menjual beratus-ratus karya dalam pelbagai kategori termasuklah kitab-kitab transliterasi, koleksi kertas kerja, koleksi kitab arab dan jawi, koleksi manuskrip, serta karya-karya ilmiah yang terkini.<sup>2</sup>

Syarikat penerbitan Khazanah Fathaniyah memaklumkan bahawa terdapat pengajian kitab berjudul Risalah *Hidayat al-Mukhtar* di Rawang pada tahun 2014. Kitab ini telah mendapat permintaan daripada seorang ahli jawatankuasa Masjid di Rawang sebanyak 42 buah kitab untuk kegunaan kelas pengajian. Manakala pengajian di Negeri Sembilan pada tahun 2006 hingga sekarang iaitu di sekitar Masjid dan Surau Daerah Tampin dan Kuala Pilah adalah berdasarkan pengetahuan salah seorang pelanggan yang pernah hadir ke Khazanah Fathaniyah.<sup>3</sup>

Terdapat kebanyakan karya-karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara lebih tertumpu kepada bidang *‘Aqidah*, *Tasawwuf* dan *Fiqh*, namun tidak dinafikan juga terdapat karya yang dihasilkan melalui bidang hadith. Satu perkara yang kerap kali terjadi dalam karya mereka ini adalah dari segi metodologi penulisan dan susunan kitab yang tidak dinyatakan secara jelas sumber pengambilan dan rujukannya. (Shamsul bin Mohd Nor, 2014: 7)

Hadith-hadith di dalam kitab ini juga banyak disebar di laman sesawang sehinggakan ramai yang bertanyakan terhadap status setiap hadith di dalam kitab ini. Contohnya di laman web (<http://bahrusshofa.blogspot.com/2014/03/fadhilat-khidmat-hidayatul-mukhtar.html>) sehinggakan menjadi bahan perdebatan di kalangan pengguna laman sosial itu. Masalah ini juga boleh menimbulkan kekeliruan terhadap orang awam terhadap status hadith yang disebar dalam kitab ini.

---

<sup>1</sup> Temubual penulis di Persatuan Kajian Khazanah Klasik Nusantara Dan Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur (pada 18 Mac 2015 jam 2.45pm)

<sup>2</sup> Temubual penulis di Persatuan Kajian Khazanah Klasik Nusantara Dan Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur, (pada 18 Mac 2015 jam 2.45pm)

<sup>3</sup> Laporan daripada Khazanah Fathaniyah pada 24 Mac 2015

Disebabkan itulah kajian ini dijalankan bertujuan untuk memantapkan lagi penggunaan kitab ini dalam perkembangan ilmu pengajian islam pada hari ini dan pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian Disertasi Sarjana Pengajian Islam di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah berkaitan *takhrij* dan menilai status hadith di dalam kitab tersebut dengan tajuk “*Kualiti Hadith Dalam Kitab Hidayat al-Mukhtar Serta Implikasi Terhadap Penyampaian Dakwah Kepada Masyarakat*” supaya kita dapat meletak kitab tersebut sesuai pada kedudukan yang sepatutnya.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah pendekatan penulisan hadith yang diketengahkan dalam karya *Hidayat al-Mukhtar* ini?
2. Apakah status kekuatan dan kualiti hadith-hadith yang terdapat dalam karya tersebut?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif berikut:

1. Mengkaji pendekatan penulisan pengarang kitab dalam karya *Hidayat al-Mukhtar* ini.
2. Menganalisis dan menjelaskan status hadith yang terdapat di dalam kitab *Hidayat al-Mukhtar*

## **METODOLOGI PENULISAN**

Kitab *Hidayat al-Mukhtar* merupakan sebuah karya yang dikarang dengan tulisan jawi pada keseluruhannya. Kitab ini merupakan kitab asal yang ditulis oleh Imam al-Mundhiriyy dan kitab ini telah diterjemahkan ke dalam tulisan jawi oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani. Menurut Haji Wan Mohd Saghir Abdullah, di dalam muqaddimah kitab tersebut, kitab ini menerangkan secara jelas tentang empat puluh hadith yang hampir kesemuanya menerangkan tentang bab kelebihan menuntut ilmu dan kelebihan ulama. Kitab ini mempunyai 16 halaman yang bercetak dan kesemuanya dalam tulisan jawi lama yang agak sukar untuk dibaca oleh kebanyakan masyarakat pada hari ini. (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2000: 40)

## 1. Cetakan

Kitab *Hidayat al-Mukhtar* ini siap diterjemahkan oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani pada hari jumaat ketika waktu dhuha iaitu pada 6 Muharram 1259H/1833M dan terdapat dua cetakan untuk kitab ini sebagaimana berikut:

1. Cetakan pertama kitab ini dicetak oleh percetakan Khazanah Fathaniyah yang beroperasi di Gombak pada bulan pada tahun 1424H/2003M.<sup>4</sup>
2. Cetakan kedua kitab ini dicetak oleh percetakan Abnak productions yang beroperasi di yayasan al-Sofa, Negeri Sembilan pada tahun 1431H/2010M

## 2. Bentuk Penulisan dan Penyusunan Hadith

Sesebuah penulisan amat memainkan peranan penting untuk menarik minat pembaca dan juga kepada ilmuan yang dahagakan ilmu pengetahuan. Tumpuan kaedah penulisan ini, penulis menumpukan hanyalah pada kitab terjemahan karya Syeikh Wan Hasan al-Fathani sahaja. Dalam membincangkan mengenai bentuk penulisan yang digunakan dalam karya Syeikh Wan Hasan al-Fathani ini, beberapa aspek yang dianggap lebih menonjol seperti format penulisan, penggunaan huruf, sistem ejaan serta bahasa yang digunakan diberi perhatian dan penekanan yang lebih. Jika dilihat daripada segi format penulisan, kajian mendapati kitab ini telah ditulis secara mendatar atau umum tanpa membahagikannya kepada bab-bab atau subtopik tertentu.

Manakala dari segi penulisan huruf pula, didapati bahawa penggunaan tulisan jawi dalam karya ini telah menarik penggunaan huruf-huruf jawi lama seperti huruf-huruf berikut:

Jadual 2.1 Penggunaan huruf Jawi.

| Bil. dalam Rumi | Sebutan Rumi | Huruf dalam Jawi | Ayat dalam Jawi | Maksud     |
|-----------------|--------------|------------------|-----------------|------------|
| 1.              | Nga          | غ                | مغتهوي          | Mengetahui |
| 2.              | Gha          | ك                | شورك            | Syurga     |
| 3.              | Cha          | چ                | نسچاي           | Nescaya    |
| 4.              | Nya          | ن                | بئڤين           | Baginya    |
| 5.              | Pa           | ڤ                | مغوچڤ           | Mengucap   |

Sumber: Penyelidik 2016

<sup>4</sup> Penulis akan menggunakan kitab ini bagi tujuan kajian.

Penggunaan huruf-huruf jawi adalah sewajarnya digunakan oleh Syeikh Wan Hasan al-Fathani dalam kitab *Hidayat al-Mukhtar* kerana bersesuaian sosial dan komunikasi masyarakat pada zaman beliau, tetapi tidak lagi sesuai pada zaman kini kerana kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak lagi mahir dalam menggunakan tulisan jawi dalam kehidupan harian mereka.

Memandangkan penelitian secara terperinci terhadap kitab tersebut khususnya terhadap pembahagian hadith, maka penulis berusaha untuk mengira satu persatu jumlah hadith yang dimuatkan oleh pengarang dalam kitab tersebut. Melalui usaha tersebut, penulis perlu membaca satu persatu bermula dari halaman pertama sehingga halaman terakhir. Namun ketelitian amat diperlukan untuk membaca dari satu baris ke satu baris yang lain bagi mengenalpasti hadith dan membezakan dengan kenyataan lain seperti perkataan sahabat, perkataan ulama dan sebagainya. Apa yang pasti daripada penelitian tersebut, penulis dapat menyimpulkan bahawa terdapat tiga keadaan atau bentuk penulisan hadith yang dimuatkan dalam kitab tersebut:

- a. Hadith yang dicatatkan dengan matan bahasa arab dan terjemahannya.
- b. Hadith yang tidak disertakan dengan sanadnya bahkan disandarkan terus kepada sahabat RA
- c. Hadith yang tidak dinyatakan hukum oleh pengarang kitab sama ada *sahih*, *hasan* atau *da'if*

### 3. Isu Perbincangan

Secara asasnya, kitab *Hidayat al-Mukhtar* mengandungi hadith-hadith yang dihimpunkan oleh Imam al-Mundhiriyy ini merangkumi perkara yang berkaitan dengan kelebihan ilmu dan kelebihan ulama, tetapi penelitian kajian hanyalah pada kitab terjemahan sahaja. Pada halaman awal kitab tersebut mengandungi kata-kata aluan dan nasihat ditujukan kepada penuntut ilmu daripada penterjemah iaitu Syeikh Wan Hasan al-Fathani.

Pada muqaddimahnyanya Syeikh Wan Hasan menjelaskan bahawa kitab *Hidayat al-Mukhtar* adalah merupakan terjemahan hadith empat puluh yang dikumpulkan oleh Imam al-Mundhiriyy. Hadith empat puluh yang beliau terjemahkan ke dalam tulisan melayu jawi ini berbeza dengan hadith empat puluh yang dikarang oleh Imam al-Nawawiyy.

Halaman yang seterusnya, Syeikh Wan Hasan al-Fathani menyusun setiap hadith mengikut bahagiannya dan kebanyakan hadith yang dipilih menjelaskan tentang ganjaran setiap orang yang menuntut ilmu.

- i. Bahagian 1: Hadith 1, 2 dan hadith yang ke 40 menjelaskan tentang kelebihan orang yang menghafal hadith.

- ii. Bahagian 2: Hadith 3 sehingga hadith yang ke 11 menjelaskan tentang kelebihan atau ganjaran seseorang itu menuntut ilmu dan menyertai dalam majlis ilmu.
- iii. Bahagian 3: Hadith 12 sehingga hadith yang ke 39 menjelaskan tentang kemuliaan dan martabat para alim ulama' di dunia ini.

## TAKHRIJ HADITH 1-40

### 1. Hadith Hasan

| No. | Matan Hadith   | Takhrij dan Ulasan   |
|-----|--|--|
| 3   | من غدا الى المسجد لا يريد الا ليتعلم خيرا او يعلمه فله اجر حاج تام   | <b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniyy dalam <i>Mu'jam al-Kabir</i> , al-Hakim dalam <i>Mustadrak 'ala Sahihain</i> dan al-Baihaqiyy dalam <i>Sunan al-Kubra</i> <sup>5</sup><br><br><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah <i>Hasan Sahih</i> <sup>6</sup> |
| 16  | ذكر لرسول الله صلى الله عليه وسلم رجلا واحدهما عالم والاخر عابد فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم فضل العالم على العابد كفضلي على ادناكم | <b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniyy dalam <i>Mu'jam al-Kabir</i> dan al-Tirmidhiyy dalam <i>Jami' Tirmidhiyy</i> <sup>7</sup><br><br><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah <i>Hasan Lighairih</i> <sup>8</sup>  |

### 2. Hadith Da'if

| No. | Matan Hadith  | Takhrij dan Ulasan  |
|-----|---|---|
| 4   | ان لقمان قال لابنه يا بني عليك بمجالسة العلماء واستماع كلام الحكماء فان الله يحيي القلب الميت بنور العلم والحكمة كما يحيي الارض | <b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniyy dalam <i>Mu'jam al-Kabir</i> <sup>9</sup> |

<sup>5</sup> Al-Naisaburiyy, 2002, Jil 1, Hlmn 169

<sup>6</sup> Al-Albaniyy, 2002, Jil 1, Hlmn 102

<sup>7</sup> Al-Tirmiziyy, 2008, Jil 4, Hlmn 416

<sup>8</sup> Al-Albaniyy, 2002, Jil 1, Hlmn 98

<sup>9</sup> Al-Tabraniyy, 2006, Jil 8, Hlmn 265



المينة بماء المطار

- 5** ان مثل العلماء في الارض كمثل النجوم يهتدي بها في الظلمات البر والبحر فاذا النجوم انطمست يوشك ان تضل الهداة
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Suyutiyy, hadith ini *Isnaduhu Da'if*<sup>10</sup> dan al-Albaniyy pula mengatakan hadith ini adalah *Da'if*<sup>11</sup>
- Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal dalam *Musnad Ahmad*<sup>12</sup>
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Da'if*<sup>13</sup>
- 18** فضل العالم على العابد سبعون درجة ما بين كل درجة و درجة سبعون عاما
- Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Ya'la dalam *Musnad Abu Ya'la*.<sup>14</sup>
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Da'if*<sup>15</sup>
- 20** ان من الذنوب ذنوبا لا يغفرها صلاة ولا صياما ولا حج ولا جهادا الا الغموم في طلب العلم
- Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniyy dalam *Mu'jam al-Awsat* dan Abu Nu'aym dalam *Akhbar Asbahan*<sup>16</sup>
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Da'if*<sup>17</sup>
- 21** ان افضل الصدقة ان يتعلم المسلم علما فيعلمه اخاه المسلم
- Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*.<sup>18</sup>

<sup>10</sup> Al-Suyutiyy, 1982, Jil 11, Hlmn 629

<sup>11</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 1, Hlmn 78

<sup>12</sup> Musnad Ahmad, 2008, Jil 5, Hlmn 246

<sup>13</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 1, Hlmn 49

<sup>14</sup> Abu Ya'la, 1990, Jil 2, Hlmn 163

<sup>15</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 1, Hlmn 578

<sup>16</sup> Al-Tabraniyy, 2008, Jil 1, Hlmn 166

<sup>17</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 1, Hlmn 767

<sup>18</sup> Ibn Majah, 2009, Jil 1, Hlmn 89

- 39 ان الحكمة تزيد الشريف شرفا وترفع العبد المملوك حتى تجلسه مجالس الملوك
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Hathamiyy, hadith ini *Da'if*<sup>19</sup> dan al-Albaniyy pula mengatakan hadith ini adalah *Da'if*.<sup>20</sup>
- Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daruqutniyy dalam *al-Ta'liqat*<sup>21</sup>
- Ulasan:** Menurut pendapat al-Suyutiyy<sup>22</sup> dan al-Albaniyy<sup>23</sup>, hadith ini adalah *Da'if*

### 3. Hadith *Da'if Jiddan*

| No | Matan Hadith  | Takhrij dan Ulasan   |
|----|---|--|
| 12 | من جاء اجله وهو يطلب العلم اليقيني و لم يكن بينه و بين الانبياء الا درجة النبوة | <p><b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh al-<br/>iyy dalam <i>Mu'jam al-</i><br/><sup>24</sup></p> <p><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah <i>Da'if Jiddan</i><sup>25</sup></p> |
| 15 | من طلب العلم وادركه كان له كفلان من الاجر وان لم يدركه كان له كفل من الاجر      | <p><b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh al-Darimiyy dalam <i>Sunan al-Darimiyy</i> dan al-Baihaqiyy dalam <i>Sunan</i></p>   |

<sup>19</sup> Al-Son'aniyy, 2011, Jil 2, Hlmn 562

<sup>20</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 1, Hlmn 96

<sup>21</sup> al-Daruqutniyy, 1994, Jil 1 Hlmn 133

<sup>22</sup> Al-Suyutiyy, 2001, jil 1, Hlmn 207

<sup>23</sup> Al-Albaniyy, 2009, Jil 1, Hlmn 1254

<sup>24</sup> Al-Tabraniyy, 2008, Jil 9, Hlmn 174

<sup>25</sup> Al-Albaniyy, 2000, jil 1, Hlmn 45

*al-Baihaqiyy.*<sup>26</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Da'if Jiddan*<sup>27</sup>

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh al-Rafi'iy dalam *al-Tadwin fi Akhbar Qazwin*.<sup>28</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Da'if Jiddan*<sup>29</sup>

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Laith Samarqandiyy dalam *Tanbih al-Ghafilin*<sup>30</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Dhahabiyy<sup>31</sup> dan al-Suyutiyy<sup>32</sup>, hadith ini *Mawdu'*

17 سارعوا الى طلب العلم فالحديث عن صادق خیر من الدنيا و ما عليها من ذهب و فضة

14 من احب ان ينظر الى عتقاء الله من النار فلينظر الى المتعلمين، فوالذي نفس محمد بيده، ما من متعلم يختلف الى باب العالم الا كتب الله له بكل حرف وبكل قدم عبادة سنة، وبنى له بكل قدم مدينة في الجنة، ويمشي الى الأرض و الأرض تستغفر له، ويمسي و يصبه مغفورا له، وشهدت له الملائكة ويقولون هؤلاء عتقاء الله من النار

#### 4. Hadith Munkar

| No | Matan Hadith | Takhrij dan Ulasan |
|----|--------------|--------------------|
|----|--------------|--------------------|

<sup>26</sup> Al-Baihaqiyy, 2003, Jil 10, Hlmn 203

<sup>27</sup> Al-Albaniyy, 2001, Jil 1, Hlmn 165

<sup>28</sup> Al-Rafi'iy, 1987, Jil 4, Hlmn 187

<sup>29</sup> Al-Albaniyy, 2009, Jil 1, Hlmn 1263

<sup>30</sup> Al-<sup>c</sup>Ajluniyy, 1930, Jil. 1, Hlmn 263

<sup>31</sup> Al-Dhahabiyy, 2004, jil 16, Hlmn 323

<sup>32</sup> Al-<sup>c</sup>Ajluniyy, 1930, Jil. 1, Hlmn 262

|   |   |  |
|---|---|--|
| . |   |  |
| 2 | من تعلم حديثين ينفع بهما نفسه او يعلمهما غيره<br>فينتفع بهما كان خيرا له من عبادة ستين عاما | <b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam <i>Akhbar Asbahan</i> <sup>33</sup><br><br><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat Khatib al-Baghdadiyy <sup>34</sup> dan Ibn Hajar al-'Asqalaniyy, <sup>35</sup> hadith ini <i>Munkar</i> . |

### 5. Hadith Mawdu'

| N<br>o. | Matan Hadith  | Takhrij dan Ulasan  |
|---------|---|---|
| 1       | من حفظ على امتي حديثا واحدا كان له اجر احد<br>وسبعين نبيا صديقا | <b>Takhrij:</b> Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Asakir al-Dimashqiyy dalam <i>Arba'un al-Buldaniyyah</i> dan Ibn Nasir al-Din dalam <i>Ahadith Arba'un al-Mutabayyinah</i> <sup>36</sup><br><br><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat Ibn al-Mulaqqin <sup>37</sup> dan al-Albaniyy <sup>38</sup> , hadith ini adalah <i>Mawdu'</i> |

<sup>33</sup> Al-'Asqalaniyy, 1986, Jil 1, Hlmn 1009

<sup>34</sup> Khatib al-Baghdadiyy, 1995, Hlmn 235

<sup>35</sup> Al-'Asqalaniyy, 1986, Jil 1, Hlmn 1009

<sup>36</sup> Al-Salafiyy, 1992, Jil 1, Hlmn 37

<sup>37</sup> Al-Mulaqqin, 2004, jil 7, hlmn 279

<sup>38</sup> Al-Albaniyy, 2010, jil 1, hlmn 127

6 من تعلم بابا من العلم ليعلمه الناس ابتغاء وجه الله اعطاه الله اجر سبعين نبيا

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Fawaid al-Majmu'ah* dan *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah*<sup>39</sup>

7 من خرج في طلب باب من العلم حفته الملائكة باجنحتها وصلت عليه الطير في السماء والحيثان في الماء ونزل من السماء على منازل سبعين من الشهداء

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Shawkaniyy,<sup>40</sup> Ibn 'Arraq al-Kinaniyy dan al-Albaniyy,<sup>41</sup> hadith ini adalah *Mawdu'*

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah* dan *Tazkirat al-Mawdu'at li al-Futtaniyy*<sup>42</sup>

10 من تعلم مسألة واحدة قلده الله يوم القيامة قلادة من نور وغفر له الف ذنب وبنى له مدينة من ذهب وكتب له بكل شعرة على جسده ثواب حجة وعمرة

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Shawkaniyy,<sup>43</sup> hadith ini *Mawdu'*

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah*<sup>44</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat Ibn 'Arraq al-Kinaniyy,<sup>45</sup> hadith ini adalah *Mawdu'*

<sup>39</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 275

<sup>40</sup> Al-Shawkaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 204

<sup>41</sup> Al-Albaniyy, 2003, Jil 1, Hlmn 96

<sup>42</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 274

<sup>43</sup> Al-Shawkaniyy, 1995, Jil 1, Hlmn 284

<sup>44</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 272

<sup>45</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 272

13 إذا أتى علي يوم لا ازداد فيه علما يقربني إلى الله عز وجل فلا بورك لي في طلوع الشمس ذلك اليوم

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam *Hilyat al-Awliya'* dan Ishaq bin Rahawiyah dalam *Musnad Ishaq*<sup>46</sup>

19 رحم الله خلفائنا قيل يا رسول الله و ما خلفاؤكم قال الذين يأتون من بعدي و يروون احاديثي و سنتي و يعلمونها الناس

**Ulasan:** Menurut pendapat Ibn al-Jawziyy<sup>47</sup> dan al-Albaniyy,<sup>48</sup> hadith ini *Mawdu'*<sup>c</sup>

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniyy dalam *Mu'jam al-Awsat*<sup>49</sup>

24 إذا كان يوم القيامة يقول الله عز وجل للعباد ادخلوا الجنة فانما كان منفعتكم لانفسكم ويقول للعالم اشفع تشفع فانما كان منفعتك للناس

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini adalah *Mawdu'*<sup>50c</sup>

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Khatib al-Baghdadiyy dalam *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*.<sup>51</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Wadi'iy, hadith ini *Mawdu'*<sup>c52</sup>

<sup>46</sup> Abu Nu'aym, 1996, Jil 8, Hlmn 188

<sup>47</sup> Ibn al-Jawziyy, 1998, Jil 1, Hlmn 63

<sup>48</sup> Al-Albaniyy, 2000, Jil 2, Hlmn 1229

<sup>49</sup> Al-Tabraniyy, 2008, Jil 6, Hlmn 77

<sup>50</sup> Al-Albaniyy, 2002, Jil 1, Hlmn 104

<sup>51</sup> Al-Wadi'iy, 1999, Jil 1, Hlmn 207

<sup>52</sup> Al-Wadi'iy, 1999, Jil 1, Hlmn 206

25 من اذل عالما بغير حق اذله الله يوم القيامة على  
رعوس الخلائق والمرسلين و من اكرم عالما اكرمه  
الله يوم القيامة بكرامة الانبياء

27 من كتب حرفا لرجل مسلم فكانما تصدق بدينار واعتق  
رقبة وكتب الله له بكل حرف حسنة ومحى عنه سيئة

28 نظرة الى عالم احب الى الله من عبادة ستين سنة صيام  
نهارها وقيام ليلها ثم قال لولا العلماء لهلك امتي

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Tazkirat al-Mawdu'at, Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhar* dan *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah*.<sup>53</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat Mulla 'Aliyy Qariyy, hadith ini *Mawdu'*<sup>c54</sup>

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Min Fawa'id Abi Bakr al-Shashiyy*.<sup>55</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Dhahabiyy, hadith ini *Mawdu'*<sup>c56</sup>

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah*<sup>57</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat al-Dhahabiyy, hadith ini adalah *Mawdu'*<sup>c58</sup>

---

<sup>53</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 278

<sup>54</sup> Mulla 'Aliyy Qari, 1985, Jil 1, Hlmn 206

<sup>55</sup> Al-Dhahabiyy, 1998, Jil 2, Hlmn 14

<sup>56</sup> Al-Dhahabiyy, 1998, Jil 2, Hlmn 13

<sup>57</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 281

<sup>58</sup> Al-Dhahabiyy, 1998, Jil 2, Hlmn 13

36 إذا جلس المتعلم بين يدي العلم فتح الله عليه سبعين بابا من الرحمة ولا يقوم من عند الا كيوم ولدته امه و اعطاه الله بكل حرف عبادة سنة و بني له بكل حرف مائة مدينة مثل الدنيا عشر مرات

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah* dan *Asrar al-Marfu'ah*<sup>59</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat Mulla <sup>Aliyy</sup> Qariyy, al-Shawkaniyy dan Ibn <sup>Arraq</sup> al-Kinaniyy, hadith ini adalah *Mawdu'*.

38 اذا كان يوم القيامة جمع الله العلماء فيقول اني لم اجمع العلم والحكمة فى اجوافكم الا وانا اريد بكم خيرا يا ملائكتى اشهد واني قد قبلت حسنا لهم و غفرت ذنوبهم

**Takhrij:** Hadith ini ditemui dalam kitab *Mawdu'at Ibn al-Jawziyy*.<sup>60</sup>

**Ulasan:** Menurut pendapat Ibn al-Jawziyy, hadith ini adalah *Mawdu'*<sup>61</sup>

## 6. Hadith Tidak Ditemui

| No | Matan Hadith  | Takhrij dan Ulasan  |
|----|---|---|
| 8  | لو كان بينك وبين العلم بحار من النار فخصها اليه فان لكل شئ طريقا و طريق الجنة العلم | <b>Takhrij:</b> Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar<br><br><b>Ulasan:</b> Lafaz matan hadith ini ditemui hanyalah pada bahagian matan akhirnya sahaja iaitu:<br>(لكل شئ طريقا و طريق الجنة العلم)<br>Matan hadith ini ditemui dalam kitab <i>Jami' al-Saghir</i> . Menurut pendapat al-Albaniyy, hadith ini <i>Da'if</i> |

<sup>59</sup> Al-Kinaniyy, 1981, Jil 1, Hlmn 283

<sup>60</sup> Ibn al-Jawziyy, 1997, Jil 1, Hlmn 176

<sup>61</sup> Ibn al-Jawziyy, 1997, Jil 1, Hlmn 176



- 9 ان الله يفتح ابواب السماء بدعاء العالم وباب من العلم يتعلمه المؤمن و خيره له من عبادة سنة
- 11 من مشي في طلب العلم خطوتين او جلس في حلقة العلم قدر فواق الناقة وجبت له الجنة
- 31 يا ابن مسعود جلوسك ساعة في مجلس العلم لا تمسوها فلما ولا تكتب حرفا خيرا لك من الف رقبة ونظرك الى وجه العالم خيرا لك من الف فرس تصدقت فيها في سبيل الله وسلامك على العالم خيرا لك من عبادة الف سنة
- 32 اذا حمل الرجل كلمة من العلم الى اخيه المسلم كان خيرا له من سبعين حجة وعمرة وكان خيرا له من عبادة سنة وكتب الله له بكل شعرة على جسده مائة حسنة
- 33 من خدم عالما سبعة ايام فقد خدم الله تعالى سبعة الاف سنة واعطاه الله كل يوم ثواب مائة شهيدا
- 34 من لم يحزن لموت العالم فهو منافق فانه لا مصيبة اعظم من موت العالم فاذا مات العالم بكت السموات وسكاتهن سبعين عاما و ما من مؤمن يحزن لموت العالم الا كتب الله تعالى له ثواب عالم والى شهيد ورفع له عمل الف شهيدا
- 35 ما من مصيبة اشد على امتي من موت العالم وان موت العالم فساد الدين وان العالم اذا مات ذهب يضى الارض كما يخرج القنديل من بيت مظلم تعلموا العلم تحشروا مع النبيين
- 37 من طلب العلم لغير الله تعالى لم يخرج من الدنيا حتى ياتي عليه العلم فيكون لله تعالى ومن طلب العلم لله فهو كالصائم نهاره و القائم ليلته وان بابا من العلم يتعلمه الرجل خيرا له من ان لو كان جبل ابي قبيس ذهب او فضة في سبيل الله عز وجل
- 40 من حفظ اربعين حديثا بعد موتي فيما ينتفع به كان رفيقي في الجنة ومن انفق نفقة في طلب العلم فهو رفيقي في الجنة ومن قرء بعد الصلاة المفروضة احد عشرة مرة قل هو الله احد فهو رفيقي في الجنة ومن جيس في مذاكرة العلم فهو رفيقي في الجنة
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar
- Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar

26 من رفع صوته فوق صوت عالم عاقبة الله تعالى في الدنيا والاخرة الا يتوب او يرجع

**Takhrij:** Hadith ini tidak dapat ditemui di mana-mana karya hadith yang muktabar

23 العالم اشد على ابليس وجنوده من الف عابد لان العابد ما يفسد اكثر مما يصلح

**Takhrij:** Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam *Hilyat al-Awliya'* dan *Akhbar Asbahan*

**Ulasan:** Awal matan pada hadith ini (العالم اشد على ابليس وجنوده من الف عابد) adalah kata-kata sahabat. Pada bahagian akhir lafaz hadith ini (ما يفسد اكثر مما يصلح) pula terdapat pada sebahagian matan hadith yang lain Menurut pendapat Ibn Hajar, hadis ini *Mawdu'*

## 7. Hadith yang Ditemui Dalam Kitab Selain Kitab Hadith

| No | Matan hadith   | Takhrij dan Ulasan   |
|----|--|--|
| 22 | من زار عالما فكانما زار بيت المقدس محتسبا وحرمة الله لحمه وجسده على النار ومن ادرك مجلس عالم فليس عليه في القيامة شدة ولا حساب | <b>Takhrij:</b> Ditemui dalam kitab <i>al-Rahibah fi al-Ilmi Faraid</i><br><b>Ulasan:</b> Menurut pendapat Mustofa Dib al-Bugha: Hadith ini tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith masyhur yang lain. <sup>62</sup> |

<sup>62</sup> Al-Baqariyy, Al-Maradiniyy dan al-Rahabiyy. 1998, *Syarh al-Rahibah fi 'Ilm al-Faraid*. Pentahkik: Dr Mustofa Dib al-Bugha. Dar al-Qalam.

29 متعلم كسلان يعني لا يجتهد في طلب العلم افضل عند  
الله من سبعمائة عابد مجتهد

**Takhrij:** Ditemui dalam kitab *al-Rahibah fi al-<sup>c</sup>Ilmi Faraid*

**Ulasan:** Menurut pendapat Mustofa Dib al-Bugha: Hadith ini tidak dijumpai dalam kitab-kitab muktabar hadith yang lain tetapi makna matan hadith ini *Sahih*<sup>63</sup>

30 من كان همته طلب العلم سمي في السماء نبيا و كتب  
الله بكل شعرة على جسده ثواب نبي وكانما اعتق بكل  
قدم رقبة وبنى الله له بكل عرق في جسده مدينة في  
الجنة ويدخل مع النبيين بغير حساب

**Takhrij:** Ditemui dalam kitab *al-Rahibah fi al-<sup>c</sup>Ilmi Faraid*

**Ulasan:** Menurut pendapat Mustofa Dib al-Bugha: Hadith ini tidak dijumpai dalam kitab-kitab muktabar hadith yang lain<sup>64</sup>

## KESIMPULAN

Daripada penilaian di atas, secara keseluruhannya dapat dinyatakan dalam jadual di bawah:

| Bil | Klasifikasi Hadith/Status   | Jumlah Hadith |
|-----|---|---------------|
|     | Jumlah Hadith Yang Ditemui Dalam Karya Muktabar dan Kitab-Kitab yang Lain | 28/40         |
| 1.  | <i>Sahih</i>  | 0/28          |
| 2.  | <i>Hasan</i>  | 2/28          |
| 3.  | <i>Da'if</i>  | 6/28          |
| 4.  | <i>Da'if Jiddan</i>   | 4/28          |
| 5.  | <i>Munkar</i>   | 1/28          |
| 6.  | <i>Mawdu<sup>c</sup></i>  | 12/28         |

<sup>63</sup> Al-Baqariyy, Al-Maradiniyy dan al-Rahabiyy. 1998, *Syarh al-Rahibah fi <sup>c</sup>Ilm al-Faraid*. Pentahkik: Dr Mustofa Dib al-Bugha. Dar al-Qalam.

<sup>64</sup> Al-Baqariyy, Al-Maradiniyy dan al-Rahabiyy. 1998, *Syarh al-Rahibah fi <sup>c</sup>Ilm al-Faraid*. Pentahkik: Dr Mustofa Dib al-Bugha. Dar al-Qalam

|    |   |              |
|----|---|--------------|
| 7. | Tanpa Status Hadith   | 3/28         |
|    | <b>Jumlah Hadith Tidak Ditemui Dalam Karya Muktabar dan Kitab-Kitab yang Lain</b> | <b>12/40</b> |
|    | Jumlah Hadith Dijumpai Dengan Makna yang Hampir/Penambahan/Pengurangan Kalimah    |              |
| 1. | <i>Da'if</i>  | 1/12         |
| 2. | <i>Mawdu'</i>   | 1/12         |
| 3. | Tidak Ditemui Langsung  | 10/12        |

### 1. Kualiti Hadith

Status kualiti hadith dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian untuk menunjukkan perbezaan antara kualiti hadis mengikut status yang diberikan untuk kajian ini adalah seperti berikut:

#### i) *Maqbul* dan *Mardud*

Berdasarkan skop kajian dengan peratusan keseluruhan, hadith yang bertaraf *maqbul* adalah 5% dan 57% bertaraf *mardud*. Penilaian umum ini adalah untuk menjelaskan mengenai jumlah peratus kandungan hadith yang didapati dalam kitab kajian ini sama ada hadith-hadith dalam kitab ini bertatus *maqbul* iaitu diterima, yang termasuk dalam ketegori hadith *sahih* dan *hasan*. Kedua pula hadith yang bertaraf *mardud* iaitu ditolak atau tidak diterima hadithnya. Ia termasuk dalam kategori *da'if*, *da'if Jiddan*, *matruk*, *munkar*, *mawdu'* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian tentang beberapa perkara yang dilarang dalam berinteraksi dengan hadith *da'if*. Sekiranya hadith *da'if* itu mempunyai kaitan dengan perkara akidah dan hukum-hakam, maka ia dilarang, akan tetapi sekiranya berkaitan dengan *fadail a'mal*, *al-tarhib wa al-tarhib*, kisah-kisah pengajaran umat terdahulu dan sebagainya maka penggunaan hadith *da'if* tersebut adalah dibenarkan. Namun begitu haruslah mencakupi beberapa syarat-syarat berikut:

- Hadith tersebut mestilah tidak terlalu *da'if*.
- Tidak beriktikad bahawa hadis tersebut *thabit*, dan harus mengambil langkah berhati-hati dalam penerimaan hadith tersebut kerana berkemungkinan ia bukanlah daripada *riwayah* atau kata-kata Nabi SAW.
- Hadith tersebut termasuk di bawah asal yang diamalkan dengannya.

ii) Taraf Hadith

Taraf hadith merujuk kepada status nilai dan kualiti sesebuah hadith yang telah dikaji sepanjang kajian yang akan dijalankan. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa taraf yang ditentukan seperti *sahih*, *hasan*, *da'if*, *da'if jiddan*, *matruk* dan *mawdu'*. Penilaian adalah seperti berikut:

1. *Sahih*: Tidak ditemui hadith *sahih* dalam kajian kitab ini
2. *Hasan*: Terdapat 2 hadith yang dihukum *hasan*
3. *Da'if*: Terdapat 6 hadith yang dihukum *da'if*
4. *Da'if Jiddan*: Terdapat 4 hadith yang dihukum *da'if Jiddan*
5. *Munkar*: Terdapat 1 hadith yang dihukum *munkar*
6. *Mawdu'*: Terdapat 12 hadith yang dihukum *mawdu'*
7. Hadith yang tidak ditemui: 15 hadith yang tidak ditemui.

## 2. Cadangan Kajian

Melalui hasil kajian yang dilihat sepanjang kajian penulis, di sini dapatlah dicadangkan beberapa cadangan bagi meningkatkan lagi usaha membangunkan lagi penggunaan kitab *Hidayat al-Mukhtar* dalam konteks yang lebih besar dan global. Cadangan penulis adalah seperti berikut:

1. Kitab ini perlu ditulis semula dengan tujuan menggantikan tulisan yang agak lama dengan bentuk dan tulisan yang sesuai dengan keadaan semasa. Di samping itu juga lebih menarik jika disusun dan diubah dengan teknikal yang terkini untuk memberi sedikit tarikan minat masyarakat untuk membaca kitab ini.
2. Kitab ini juga perlu dilengkapi dengan *takhrij* serta hukum hadith sama ada ianya *sahih*, *hasan*, *da'if* atau *mawdu'*, supaya memudahkan penilaian masyarakat untuk membaca dan beramal dengan hadith yang dibaca.
3. Disarankan juga supaya kitab ini diletakkan glosari ringkas untuk memudahkan para pembaca untuk mencari ayat-ayat al-quran, hadith-hadith dan juga menjelaskan perkataan-perkataan yang *gharib* (ayat yang tidak pernah atau jarang didengari)
4. Seterusnya kitab ini perlu meletakkan nombor pada setiap bab dan memudahkan kepada pembaca mencari bab-bab yang tertentu.

Walau bagaimanapun kajian ini bukanlah untuk mencari kesalahan pengarang asal kitab, akan tetapi ini adalah sedikit usaha dan khidmat untuk menjaga *al-Sunnah* daripada diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh yang demikian sekiranya terdapat beberapa kekurangan dan kesilapan dalam kajian yang dilakukan ini, didahulukan dengan jutaan kemaafan dan semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat kerediaan dari Allah SWT.

## **BIODATA PENULIS**

*Muhammad Ashraf Shahrulail* merupakan seorang guru tahfiz KBT (DG41) di Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim, Ulu Gadong Rembau

## BIBLIOGRAFI

- Abu Nu'aym. (1996). Hilyat al-Auliya' wa Tobaqat al-Asfiya', Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Nu'aym. (1998). Akhbar Asbahan li Abi Nu'aim. Pentahkik: Sayyid Kusrawiyy Hasan. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Ya'la. (1990). Musnad Abu Ya'la al-Musailiyy. Dimasyq: Dar al-Ma'mun.
- Al-Albaniyy. (2008). Silsilat al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Maudu'ah. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Albaniyy.(2008). Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuh. Beirut:Maktabah al-Islamiyy.
- Al-'Ajluniyy. (2010). Kashf al-Khafa wa Mazil al-'Ilbas. Kaherah: Dar al-Qudsiyy.
- Al-Baqariyy. (1998). Syarh al-Rahibah fi 'Ilm al-Faraid. Pentahkik: Dr Mustofa Dib al-Bugha. Dar al-Qalam.
- Al-Baihaqiyy. (2003). Sunan al-Kubra. Pentahkik: Ibrahim Syams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Daruqutniyy. 1994. Ta'liqat al-Daruqutniyy 'Ala al-Majruhain li Ibn Hibban. Pentahkik: Khalil bin Ahmad al-'Arabiyy. Maktabah al-Tijariyyah.
- Al-Dhahabiyy. (2004). Siyar A'lam al-Nubala'. Pentahkik: Hassan 'Abd al-Manan, Lubnan: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Al-Dhahabiyy. (1998). Talkhis Kitab al-Maudu'at li Ibn al-Jawziyy. Madinah: Maktabah al-Rasyd.
- Al-Kinaniyy.(1981). Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mundhiriyy. (2000). Sahih al-Targhib wa al-Tarhib. Pentahkik: Nasiruddin al-Albaniyy, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Mundhiriyy. (2000). Da'if al-Targhib wa al-Tarhib. Pentahkik: Nasiruddin al-Albaniyy, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Mundhiriyy. (2003). Al-Targhib wa al-Tarhib. Pentahkik: Muhammad Nasiruddin al-Albaniyy. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Naisaburiyy. (2002). Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain. Pentahkik: Mustofa 'Abd al-Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Rafi'iy. (1987). Al-Tadwin fi Akhbar al-Qazwin. Pentahkik: 'Aziz Allah al-'Ataridiyy. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Syawkaniyy. (2010). Al-Fawaid al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Maudu'ah. Pentahkik 'Abd al-Rahman bin Yahya bin Ma'lami al-Yamaniyy. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Salafiyy. (1992). Arba'in al-Buldaniyyah. Pentahkik: 'Abdullah Rabih. Maktabah Dar al-Beirut.
- Al-Son'aniyy. (2011). Al-Tanwir Syarh al-Jami' al-Saghir. Pentahkik: Muhammad Ishaq bin Ibrahim. Riyadh. Maktabah Dar al-Salam.

- Al-Tabraniyy. (2008). Al-Mu'jam al-Awsat. Pentahkik: Tariq bin 'Aud allah. Dar al-Haramain.
- Al-Tabraniyy. (2006). Mu'jam Kabir. Pentahkik: Hamdiyy 'Abd al-Majid al-Salafiyy. Maktabah Ibn Taimiyyah
- Al-Tirmidhiyy. (2008). Jami' al-Kabir. Pentahkik: Basysyar 'Awwad Ma'ruf. Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- Al-'Asqalaniyy. (1998). Matalib al-'Aliyah bi Zawaid al-Masanid al-Thamaniyyah. Pentahkik: 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin bin Ahmad al-Tuwajariyy, Dar al-'Asimah.
- Ibn Hanbal.(2008). Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal. Pentahkik: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ato. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ibn Majah. (2009). Sunan Ibn Majah. Pentahkik: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqiyy. Dar Ahya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Baghdadiyy. (1995). Sharf Ashab al-Hadis. Pentahkik: Muhammad Sa'id Khatib. Maktabah Ibn Taimiyyah
- Mulla 'Aliyy Qari.(2010) Al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Maudu'ah. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Shamsul Mohd Nor. (2014). Takhrij al-hadith dalam kitab Bisharat al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin karya Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Disertasi Ijazah Sarjana, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Saghir. (2000). Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama' Sejagat Dunia Melayu. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin dan Wan Khairul Aiman bin Wan Mokhtar. (2011). Sumbangan Khazanah Fathaniyah Terhadap Pengumpulan dan Penulisan Kitab-Kitab Hadith Jawi Nusantara. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)